

BAB 4

KERANGKA TEORI

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kerangka teori penggolongan kata sifat berdasarkan pendekatan fungsional dan dalam pendekatan ini penekanan diberikan dari segi fungsi kata sifat dalam sesebuah ayat. Berdasarkan pendekatan ini, golongan kata mempunyai hubung kait dengan tatabahasa kerana ayat bukan dibentuk oleh susunan perkataan, tetapi dibentuk oleh susunan golongan kata. Ayat yang dibentuk menghasilkan pola dan daripada pola ini rumus ayat dibina dengan golongan kata menjadi unitnya. Bahkan, ciri utama golongan kata ialah kemampuannya untuk bergabung dengan golongan yang lain secara sintagmatik bagi membentuk frasa, klausa atau ayat (Arista dan Ana Ibáñez, 2004: 66). Berdasarkan ciri ini, kata sifat didefinisikan dengan meneliti kehadirannya dalam binaan sintaksis, iaitu perkataan tertentu dikelompokkan ke dalam golongan kata sifat berdasarkan kepada kesamaan gatra yang didudukinya dan kesamaan perlakuan morfologinya.

Pendekatan fungsional memulakan pendefinisian golongan kata dengan menerapkan konsep prototaip (lihat 2.2.2.4). Prototaip bagi golongan kata diteliti daripada dua aspek, iaitu aspek semantik dan aspek fungsian (Croft, 1991: 272). Bagaimanapun, dalam kajian ini konsep prototaip kata sifat diteliti berdasarkan aspek fungsian sahaja dan fungsi prototaipnya adalah sebagai atribut atau

penerang dalam frasa nama. Oleh itu, bagi menjelaskan aspek ini, maka pendapat yang dikemukakan oleh Hengeveld (1992), Bhat (1994), Quirk, et al. (1995), Croft (1991, 2003), Dixon (2004), dan Knowles dan Zuraidah Mohd. Don (2006 dan 2008) dijadikan asas dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, kerangka utama kajian ini adalah berdasarkan Knowles dan Zuraidah Mohd. Don (2006 dan 2008) kerana kajian golongan kata bahasa Melayu yang berasaskan kepada data korpus berkomputer telah dilakukan oleh kedua-dua pengkaji ini.

Dalam usaha untuk menentukan golongan kata sifat, susunan dalam pemilihan analisis diperlukan bagi mengelakkan penggolongan yang berlebihan atau penggolongan yang tidak mencukupi. Oleh itu, hierarki tatabahasa – sintaksis dan morfologi – digunakan dalam menentukan kriteria kata sifat dan setiap aras perlu memberikan hasil yang sama. Analisis dimulakan pada aras sintaksis untuk meneliti kehadiran kata sifat dalam gatra tertentu dan aras ini merupakan aspek utama dalam menjelaskan golongan sesuatu kata. Disebabkan prototaip kata sifat adalah sebagai penerang dalam binaan frasa nama, maka unit analisis dilakukan pada aras frasa. Bagaimanapun, beberapa kriteria dalam aras ini masih tidak mampu menjelaskan kata sifat dan dengan itu aras morfologi turut digunakan bagi mendapatkan kesamaan dalaman kata sifat.

Bagaimanapun, kesamaan kriteria yang maksimum (*maximum homogeneity*) masih tidak mampu menjelaskan kata sifat kerana terdapat pertindihan kriteria kata sifat dengan golongan yang lain. Justeru, kata sifat turut dijelaskan berdasarkan kepada aspek kontrasifnya, iaitu membezakan kata sifat daripada golongan kata yang lain seperti kata nama, kata kerja dan kata adverba.

Dalam kajian ini juga didapati kata sifat boleh hadir dalam fungsi tipikal golongan kata yang lain, misalnya hadir dalam gatra predikat yang merupakan fungsi kata kerja atau hadir dalam gatra penerang predikat yang merupakan fungsi bagi adverba. Di sini kata sifat dikatakan telah beralih posisinya daripada gatra asalnya (home slot), iaitu gatra penerang nama beralih ke gatra lain seperti gatra penerang kerja, gatra predikat dan gatra penerang predikat. Istilah yang digunakan apabila kata sifat beralih daripada gatra asal kepada gatra yang lain ialah sesesaran (*drift*). Oleh itu, bagi menghuraikan kata sifat, bab ini membincangkan lima aspek yang meliputi:

- i. teori prototaip
- ii. struktur sintaktik
- iii. aspek morfologi
- iv. sesesaran
- v. kriteria kata sifat

4.2 Teori Prototaip

Bagi mengkategorikan perkataan yang terdapat dalam sejumlah data korpus kepada golongan-golongan tertentu, teori prototaip digunakan. Teori yang digunakan dalam bidang sains kognitif diterapkan dalam kajian linguistik, khususnya dalam penggolongan perkataan kerana prototaip merupakan kriteria untuk mengkategorikan elemen kepada beberapa golongan. Penggolongan prototaip bererti setiap golongan mempunyai ciri asas atau ciri teras yang jelas (Croft, 2003: 162). Pada umumnya, sesuatu golongan, jarang memiliki ciri asas

yang tunggal, melainkan terdiri daripada beberapa ciri yang lazim. Bagi kata sifat, Quirk, et al. (1995: 402-403) mengemukakan empat ciri, iaitu:

i. berfungsi sebagai penerang kata nama. Contoh:

- *an ugly painting*
- *the round table*

ii. berfungsi sebagai predikat. Contoh:

- *The painting is ugly.*
- *He thought the painting ugly.*

iii. boleh didahului oleh penanda intensiti¹²*very*. Contoh :

- *The children are very happy.*


iv. boleh menerima bentuk perbandingan dan bentuk superlatif (kepalingan).

Contoh:

- *The children are happier now.*
- *They are the happiest people I know.*
- *These students are more intelligent.*
- *They are the most beautiful paintings I have ever seen.*

Keempat-empat ciri kata sifat ini boleh dijelaskan menerusi rajah venn yang berikut.

¹² Istilah yang digunakan oleh Knowles dan Zuraidah Mohd Don (2008: 175) bagi *intensity markers*.



- A : penerang kata nama
- B : predikat
- C : boleh didahului oleh penanda intensiti *amat, sangat*
- D : boleh menerima bentuk perbandingan dan superlatif

Rajah 4.1: Ahli Utama dan Ahli Periferi

(ubah suai daripada Givon, 1984: 14)

Berdasarkan kepada Rajah 4.1, perkataan yang memiliki ciri asas (A/B/C/D) bererti perkataan tersebut merupakan ahli kepada golongan kata sifat dan perkataan yang memiliki kesemua ciri asas (kawasan yang berlorek) atau sebahagian besar ciri asas dikatakan sebagai ahli utama atau ahli tipikal kata sifat dan menjadi wakil kepada golongannya. Disebabkan ahli tipikal ini memaparkan keseluruhan atau hampir keseluruhan ciri yang mewakili golongannya, maka ahli tipikal ini secara maksimum berbeza daripada golongan yang lain. Bagi elemen yang memiliki sebilangan kecil daripada ciri ahli tipikal (selain daripada kawasan yang berlorek), maka perkataan tersebut merupakan ahli yang kurang utama atau dianggap sebagai ahli periferi bagi kata sifat.

Menurut Quirk et al., hanya kata sifat yang memiliki dua kriteria diagnostik, iaitu yang berfungsi sebagai penerang nama dan predikat merupakan ahli prototaip, manakala kata yang tidak memiliki dua kriteria ini merupakan ahli periferi. Bagaimanapun, bagi Croft (1991:272), Hengeveld (1992: 51), Bhat (1994:11), Beck (2002: 24), Arista dan Ana Ibáñez (2004: 68) dan Raskin dan Nirenburg (2007: 11), ciri prototaip kata sifat hanyalah sebagai penerang nama

dan menurut Raskin, tidak semua kata sifat boleh menjadi predikat. Hal ini menunjukkan bahawa ahli dalam sesuatu golongan mempunyai ciri yang berbeza sehingga menyebabkan ahli dalam golongan yang sama mempunyai status yang berbeza walaupun ahli golongan itu hadir dalam fungsi golongannya sendiri (lihat Bhat, 1994: 151). Menurut Rosch (1978: 30) :

“...principles of categorization ... is to increase the distinctiveness and flexibility of categories, categories tend to become defined in term of prototypes or prototypical instances that contain the attributes most representative of items inside and least representative of items outside the category”.

Berdasarkan kepada definisi dan kajian golongan kata, fungsi tipikal bagi setiap golongan dalam binaan sintaksis adalah seperti yang berikut (Dik, 1997:162, Hengeveld, 1992b:29, Beck, 2002:24):

Jadual 4.1
Golongan Kata dan Fungsi Tipikal

| Kategori Sintaktik | | | |
|---------------------------|------------------|-------------------|-------------------|
| | Kata Nama | Kata Kerja | Kata Sifat |
| Fungsi Sintaktik | Subjek/Inti | Predikat | Penerang |

Berdasarkan kepada jadual ini, fungsi sintaktik yang tipikal bagi kata nama ialah sebagai subjek atau menjadi inti dalam frasa nama, manakala fungsi kata kerja ialah sebagai predikat dan kata sifat sebagai penerang nama. Bahasa Melayu sama seperti bahasa-bahasa yang lain, fungsi tipikal bagi kata sifat ialah penerang nama. Berdasarkan kepada fungsi tipikal ini, maka gatra penerang nama menjadi gatra asal (home slot) bagi kata sifat.

Walaupun, setiap golongan kata mempunyai fungsi tipikalnya, tetapi pada masa yang sama sesetengah ciri yang dimiliki oleh sesuatu golongan turut merupakan ciri bagi golongan yang lain dan hal ini menjelaskan bahawa penggolongan prototaip mempunyai sempadan golongan yang kabur (Taylor, 1990: 54-55). Dalam penggolongan kata bahasa Indonesia dan bahasa Melayu misalnya, batasan antara kata kerja dan kata sifat sukar untuk ditentukan kerana perkataan yang sama boleh menjadi ahli kepada golongan kata yang berbeza (Dik, 1997: 195 dan Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2006: 17).

4.3 Struktur Sintaktik

Bagi menjelaskan hubungan yang wujud antara konstituen dalam sesuatu binaan, fungsi kata dalam binaan sintaksis diperlukan (Dik, 1978: 12 dan Pike, 1982: 62). Oleh itu, bagi menentukan kata sifat, kedudukan atau posisinya dalam sintaksis perlu diteliti (Rastall, 1995: 27-28). Sintaksis terdiri daripada golongan dan fungsi, iaitu golongan terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata sifat, manakala fungsi melibatkan peranan golongan kata dalam binaan sintaksis seperti subjek, predikat, objek dan penerang. Golongan kata dan fungsi ini perlu dijelaskan secara serentak. Sehubungan itu, bagi memperjelas kata sifat dan fungsinya dalam sintaksis, maka taburan atau distribusi sintaktik digunakan kerana menerusi distribusi sintaktik penggunaan kata yang terdapat dalam frasa atau ayat boleh diteliti. Distribusi sintaktik ini diperjelaskan menerusi gatra dan unsur pengisi (Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2008: 38).

Gatra dan unsur pengisi ini melibatkan dua bentuk linguistik yang berbeza, iaitu sintaksis dan leksis. Dari sudut sintaksis, perlu diketahui golongan kata yang boleh mengisi sesuatu gatra. Bagi bahasa Melayu misalnya, gatra penerang nama boleh diisi oleh kata sifat, kata nama dan kata kerja. Dari sudut leksis pula perlu diketahui gatra yang boleh diisi oleh kata sifat dan berdasarkan analisis data korpus, kata sifat bahasa Melayu boleh mengisi gatra penerang nama, gatra predikat dan gatra penerang predikat (Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2006: 101). Dalam struktur sintaktik, selain gatra dan unsur pengisi, aspek morfosintaktik atau kehadiran kata sifat bersama-sama perkataan tertentu yang juga menjadi penanda kepada golongannya turut diteliti (Asmah, 1993a: 163). Oleh itu, bahagian yang berikut ini akan menjelaskan gatra, unsur pengisi dan morfosintaktik dengan lebih lanjut.

4.3.1 Gatra

Gatra ialah posisi atau kedudukan bentuk linguistik dalam sesuatu binaan ayat. Sesuatu ayat mempunyai beberapa gatra yang membolehkan perkataan atau beberapa perkataan dimuatkan ke dalam setiap gatra. Proses memuatkan sesuatu kata ke dalam gatra boleh diinterpretasikan sebagai operasi satu set fungsi (Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2006: 99). Justeru itu, struktur ayat merupakan operasi sejenis fungsi dan disebabkan setiap gatra melibatkan fungsi, maka istilah gatra fungsian digunakan dalam linguistik apabila merujuk kepada posisi serta fungsi sesuatu bentuk linguistik (Cook, 1969:15). Dalam rumus bahasa Melayu kata sifat misalnya yang mempunyai fungsi sebagai penerang

dalam frasa nama hadir dalam gatra penerang yang posisinya adalah selepas gatra nama. Yang berikut merupakan contoh daripada data korpus¹³ (kata sifat digariskan):

- 1a. *petanda baik*
- 1b. *kenalan lama*
- 1c. *meja utama*
- 1d. *penyokong kuat*

Daripada contoh (1a-1d), kehadiran kata sifat yang terletak betul-betul selepas kata nama menunjukkan posisi kata sifat dalam struktur sintaktik. Posisi ini merupakan gatra yang boleh diisi oleh kata sifat. Gatra ini melibatkan hubungan antara golongan kata dan fungsinya, iaitu gatra yang hadir selepas gatra nama diisi oleh kata sifat dan gatra ini berfungsi sebagai penerang. Gatra fungsian ini berada pada posisi yang tetap, manakala golongan kata yang mengisi gatra ini boleh berubah-ubah kedudukannya, iaitu golongan kata yang sama boleh hadir lebih daripada satu posisi atau satu gatra. Berdasarkan data korpus, perkataan *baik* (1a) misalnya boleh hadir dalam gatra yang berbeza.

Contoh:

- 2a. *petanda baik*
- 2b. *Nenek itu baik hati.*
- 2c. *Wan Mas menasihatkan suaminya dengan baik.*

Berdasarkan kepada contoh tersebut, kata sifat *baik* dalam 2(a) hadir dalam gatra penerang nama, iaitu hadir selepas kata nama dalam binaan frasa nama, manakala

¹³ Semua contoh dalam bab ini diambil daripada data korpus yang dianalisis. Data korpus ini dijana dalam bentuk baris konkordans (± 4), iaitu kira-kira empat perkataan hadir sebelum dan selepas kata kuncinya. Setiap konkordans diisih tengah, kiri (L1) atau kanan (R1) kata kunci.

dalam 2(b) *baik* hadir dalam gatra predikat, iaitu selepas subjek dan dalam 2(c) *baik* hadir dalam gatra penerang predikat, iaitu dalam bahagian adjung ayat, iaitu di luar ayat teras (selepas perkataan *dengan*). Contoh ini menunjukkan bahawa berdasarkan data korpus yang diteliti, terdapat tiga gatra yang boleh diisi oleh kata sifat *baik*, iaitu dalam gatra penerang, gatra predikat dan gatra penerang predikat¹⁴. Berdasarkan contoh di atas, gatra tertentu diisi oleh golongan kata tertentu dan setiap gatra mempunyai susunan atau urutan, iaitu kedudukan sesuatu gatra bergantung pada gatra-gatra lain di sekelilingnya.

4.3.2 Unsur Pengisi

Unsur pengisi merupakan senarai perkataan yang mengisi sesuatu gatra fungsian. Unsur pengisi ini boleh saling bertukar ganti di dalam gatranya, iaitu unsur pengisi yang hadir dalam posisi yang sama boleh menggantikan unsur lain yang terdapat dalam posisi tersebut dan membentuk paradigma. Unsur pengisi di dalam paradigma ini mempunyai hubungan paradigmatic antara satu sama lain.

Contoh isih kiri :

- 3a. isu utama
- 3b. tugas utama
- 3c. ucap utama

¹⁴ Walaupun dalam kebanyakan buku tatabahasa kata sifat bahasa Melayu juga berfungsi sebagai pelengkap apabila mengisi gatra selepas kata kerja tak transitif berpelengkap, tetapi dalam kajian ini aspek ini tidak dikaji kerana terlalu sedikit kata sifat yang menjalankan fungsi ini.

Contoh isih kanan :

4a. *makanan berzat*

4b. *makanan istimewa*

4c. *makanan kampung*

Dalam contoh (3a-3c), unsur pengisi yang hadir dalam gatra inti (*isu, tugas* dan *ucap*) boleh digantikan antara satu sama lain dan dalam contoh ini unsur pengisi yang digantikan itu terdiri daripada golongan kata yang sama, iaitu kata nama, manakala dalam contoh (4a-4c), unsur pengisi dalam gatra penerang boleh menggantikan antara satu sama lain dan di sini unsur pengisi terdiri daripada golongan kata yang berbeza, iaitu kata kerja, kata sifat dan kata nama.

Golongan kata yang menjadi unsur pengisi ini dijelaskan sebagai golongan distribusi (distributional class) dan biasanya (seperti contoh 4a-4c) golongan distribusi ini bersifat heterogen. Oleh itu, hubungan antara gatra dan unsur pengisi ini melibatkan hubungan antara fungsi dan golongan kata. Perkaitan ini perlu dibezakan dengan jelas bagi mengelakkan kekeliruan dan hubungan ini boleh dijelaskan menerusi Rajah 4.2 yang berikut:

[Gatra]



Unsur pengisi

Rajah 4.2: Gatra dan Unsur Pengisi

Anak panah dalam rajah ini menunjukkan bahawa unsur pengisi dimuatkan ke dalam gatra dan di sini gatra diibaratkan seperti “suatu bekas”,

manakala unsur pengisi merupakan “item” yang diisi ke dalam bekas berkenaan (Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2006: 100). “Item” ini boleh terdiri daripada jenis yang sama atau daripada beberapa jenis yang berbeza, tetapi diletakkan ke dalam bekas yang sama. Apabila diterapkan kepada struktur sintaktik, “item” yang merupakan unsur pengisi boleh terdiri daripada golongan kata yang sama atau terdiri daripada beberapa jenis golongan kata (beberapa jenis “item”) dan item ini dimuatkan ke dalam gatra yang sama. Gatra penerang nama misalnya secara tipikal diisi oleh kata sifat. Bagaimanapun, daripada data yang diteliti tidak semua gatra penerang nama diisi oleh kata sifat, tetapi gatra ini juga boleh diisi oleh kata nama dan kata kerja.

Contoh :

5. KN Inti + Penerang (Kata Nama)

kelas komputer

guru Quran

kepala berita

rumah kedai

6. KN Inti + Penerang (Kata Kerja)

bilik tidur

ruang makan

lapangan terbang

jururawat bertauliah

Perkataan yang digariskan, iaitu *komputer*, *Quran*, *berita* dan *kedai* (contoh 5); *tidur*, *makan*, *terbang* dan *bertauliah* (contoh 6) dengan jelas

merupakan kata nama dan kata kerja masing-masing. Kehadiran kata nama dan kata kerja dalam gatra penerang dapat mengelakkan kekeliruan antara gatra dan unsur pengisi kerana penerang nama merupakan nama atau label bagi gatra, manakala kata nama dan kata kerja merupakan golongan kata yang menjadi unsur pengisi dalam gatra tersebut. Justeru itu, gatra merupakan posisi kehadiran sesuatu golongan kata dan gatra ini menunjukkan fungsi golongan kata tersebut, manakala unsur pengisi ialah golongan kata yang menjalankan fungsi gatra yang didudukinya.

Kekeliruan atau tanggapan bahawa penerang nama ialah kata sifat perlu dielakkan kerana kata sifat merupakan salah satu unsur pengisi bagi gatra penerang nama selain kata nama atau kata kerja. Contoh ini menunjukkan bahawa dalam fungsi penerang ini kata nama dan kata kerja berkongsi ciri yang sama dengan kata sifat, iaitu keupayaannya untuk menjadi unsur pengisi kepada gatra penerang, tetapi ketiga-tiga golongan kata tersebut masih merupakan golongan kata yang berbeza. Kemampuan golongan kata yang sama mengisi gatra yang berbeza merupakan penjelasan tentang ciri-ciri taburan golongan kata.

Berdasarkan contoh di atas (contoh 1-6), kelihatan bahawa unsur pengisi yang dimuatkan di dalam gatra terdiri daripada sekurang-kurangnya satu perkataan. Unsur pengisi yang hadir di dalam gatra ini dirujuk sebagai frasa dan dari sudut linguistik secara umumnya frasa mengandungi lebih daripada satu perkataan. Bagaimanapun, dalam kajian ini frasa yang menjadi unsur pengisi boleh terdiri daripada satu perkataan atau lebih.

Contohnya:

(7a) *sejarah lama*

(7b) *Tempoh beliau dalam arena politik amat lama*

Dalam contoh di atas, gatra penerang nama dalam (7a) terdiri daripada satu perkataan (*lama*), manakala dalam (7b), gatra predikat terdiri daripada dua perkataan, iaitu kata sifat(*lama*) dan penerangnya yang terdiri daripada penanda intensiti (*amat*). Di sini, apabila unsur pengisi yang dimuatkan ke dalam gatra penerang terdiri daripada satu perkataan, kata tersebut diistilahkan sebagai kata sifat, tetapi jika terdiri daripada dua perkataan atau lebih istilah yang digunakan ialah frasa sifat (lihat Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2006: 102). Gatra sintaktik yang diisi oleh satu perkataan perlu dibezakan dengan gatra yang diisi oleh frasa kerana frasa mempunyai fungsi atau struktur sintaktik yang lain. Frasa biasanya perlu dikelompokkan terlebih dahulu sebelum dimuatkan ke dalam sesuatu gatra.

4.3.3 Morfosintaktik

Pada aras morfosintaktik, kata sifat turut diteliti kehadirannya bersama-sama perkataan lain bagi menandakan golongannya. Berasaskan ciri morfosintaktik, kata sifat lazimnya hadir bersama-sama *degree modifier* (Bhat, 1994: 11). Kehadiran *degree modifier* atau penanda intensiti bersama-sama kata sifat bagi menandakan darjah kepalingan atau kesangatan menunjukkan bahawa kata sifat mempunyai skala tertentu. Dalam bahasa Melayu, terdapat beberapa

penanda intensiti yang menandakan darjah yang paling rendah kepada darjah yang paling tinggi. Darjah yang paling rendah ialah *tidak, bukan, kurang* dan *agak*, kemudiannya bergerak kepada darjah yang lebih tinggi seperti *sangat, amat, paling* dan *terlalu*.

Secara umumnya penanda intensiti ini dibahagikan kepada tiga jenis berdasarkan kepada taburannya, iaitu penanda intensiti hadapan, belakang dan bebas (Asmah, 1993a: 169; Nik Safiah, 1995: 247-8). Penanda intensiti hadapan bererti penanda intensiti ini hadir di hadapan kata sifat contohnya seperti *agak, terlalu* dan *paling*, manakala penanda belakang ialah penanda yang hadir selepas kehadiran kata sifat seperti *sekali* dan *benar*. Bagi penanda bebas pula, penanda ini lebih bebas distribusinya, iaitu boleh mendahului atau mengikuti kata sifat yang diterangkannya, contohnya seperti *amat, sangat* dan *sungguh*. Dalam struktur sintaktik, penanda intensiti ini mengisi gatra intensiti. Bagaimanapun, menurut Knowles dan Zuraidah Mohd. Don (2008: 181) *benar, sekali* dan *sungguh* pada asalnya merupakan kata sifat dan kemudian berubah golongan (*sesesaran / drift*) kepada penanda intensiti. Ini menunjukkan bahawa dalam gatra intensiti, selain penanda intensiti, kata sifat juga boleh mengisi gatra ini (Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2008: 181-2). Dalam data korpus yang diteliti ini, terdapat penanda intensiti yang hadir sebelum kata sifat, atau hadir bersama-sama kata hubung relatif *yang* atau hadir selepas kata sifat.

Lazimnya penanda intensiti yang hadir bersama-sama kata sifat berlaku dalam predikat ayat. Ini ditunjukkan oleh contoh yang berikut.


Contoh:

(8a) ... *tanggungan Encik Hashim agak berat*.

(8b) ...*harapan orang awam terlalu tinggi*

(8d) ...*ikatan kekeluargaan mereka amat erat*...

Berdasarkan contoh ini, penanda intensiti hadir dalam gatra intensiti dalam frasa sifat, iaitu penanda intensiti ini memberikan darjah tertentu terhadap kata sifat yang diterangkannya.



PI = Penanda intensiti

KS = Kata sifat

FS = Frasa sifat

Walaupun data yang diteliti menunjukkan sebahagian besar pola ini hadir dalam predikat, tetapi terdapat contoh yang menunjukkan bentuk ini juga hadir dalam frasa nama sebagai frasa penerang.

Contoh:

(9a) *Bekas Perdana Menteri yang juga merupakan bos paling lama bagi Zaleha.*

Berdasarkan kepada contoh (9a) ini, *paling lama* menerangkan kata nama *bos*. Berdasarkan kepada contoh ini, frasa *paling lama* mengisi gatra penerang nama. Oleh itu, dalam fungsi penerang, kata sifat juga boleh menerima penerang yang terdiri daripada penanda intensiti. Jika kata hubung relatif *yang* diletakkan di

hadapan penanda intensiti (*bos yang paling lama*) fungsi penerang masih tidak berubah. Dalam fungsi penerang dalam binaan frasa nama, penanda intensiti lazimnya didahului dengan kata hubung relatif *yang*.

Contoh:

(10a) *Guru Besar yang agak lama*

(10b) *kerja yang terlalu rendah*

(10c) *...kelulusan ayahnya yang paling tinggi ialah Darjah Tujuh*

(10d) *nada suara yang sungguh serius*

Jika kata hubung relatif ini digugurkan, lazimnya penanda intensiti dan kata sifat akan hadir dalam gatra predikat.

Contoh:

(11a) *Pengalaman Guru Besar (itu) agak lama.*

(11b) *Kerja (itu) terlalu rendah.*

(11c) *Kelulusan ayahnya paling tinggi, (iaitu) Darjah Tujuh.*

(11d) *Nada suara(nya) sungguh serius.*

Di samping itu, kata sifat juga memasuki skala perbandingan apabila didahului oleh penanda intensiti *lebih atau kurang* dan diikuti oleh kata sendi *daripada*.

Contoh:

(12a) *...status lelaki sebagai suami lebih tinggi daripada isteri.*

(12b) *...pergerakannya lebih bebas daripada seorang anak dara.*

4.4 Morfologi

Walaupun kata sifat ditentukan dengan pada aras sintaktik, tetapi aras morfologi turut digunakan sebagai kriteria penggolongan kerana terdapat imbuhan-imbuhan tertentu yang menjadi penanda kata sifat. Bagi bahasa yang berfleksi seperti bahasa Inggeris, golongan kata dapat dikenal pasti menerusi lemmanya kerana fleksi merupakan imbuhan yang mengekalkan golongan sesuatu kata. Oleh itu, menerusi lemma ini bentuk kata yang berada di bawahnya terdiri daripada golongan yang sama dan penyenaaraian kesemua bentuk menghasilkan paradigma. Dalam bahasa Inggeris, kata sifat mempunyai tiga bentuk, iaitu positif, perbandingan dan darjah kepalangan (lihat 4.2).

Contoh:

| | | | |
|------|---------------|----------------|----------------|
| (13) | <i>old</i> | <i>deep</i> | <i>warm</i> |
| | <i>older</i> | <i>deeper</i> | <i>warmer</i> |
| | <i>oldest</i> | <i>deepest</i> | <i>warmest</i> |

Menerusi imbuhan fleksi ini kata sifat dapat dikenal pasti. Selain fleksi, imbuhan terbitan seperti akhiran *-y*, *-ly*, *-ish*, *-al*, *-ent*, *ive*, *-able*, dan *-some* juga merupakan imbuhan kata sifat. Bagaimanapun kata sifat ini terbentuk daripada kata dasar yang terdiri daripada kata nama atau kata kerja dan imbuhan terbitan ini telah mengubah golongan katanya kepada kata sifat. Contohnya kata nama *bag*, *cost* dan *child* berubah menjadi kata sifat *baggy*, *costly* dan *childish* apabila menerima imbuhan terbitan.

Sama seperti bahasa Inggeris, setiap golongan kata bahasa Melayu mempunyai imbuhan yang boleh menjadi penanda bagi sebahagian besar

golongannya. Kata nama misalnya boleh dikenali menerusi imbuhan seperti *peN-*, *ke-...-an* dan *-an*, kata kerja menerusi imbuhan seperti *meN-*, *di-* dan *-kan* dan kata sifat menerusi imbuhan *se-* dan *ter-*. Imbuhan *se-* dan *ter-* ini menunjukkan perbandingan (bandingan sama bagi imbuhan *se-*) dan darjah kepalingan (bagi imbuhan *ter-*).

Contoh:

- | | |
|-------------------|-------------------|
| (14) <i>besar</i> | (15) <i>hebat</i> |
| <i>sebesar</i> | <i>sehebat</i> |
| <i>terbesar</i> | <i>terhebat</i> |

Yang berikut merupakan contoh ayat bagi kata terbitan (14) dan (15).

- (14a) *Masjid itu tidak sebesar masjid mukim Banggol*
- (14b) *Dalam bidang senaman, murid-murid sekolahnya tidak sehebat murid-murid dari sekolah laki-laki.*
- (15a) *Tiga orang Timbalan Yang Dipertua ini dipegang oleh tiga kaum terbesar di negara ini*
- (15b) *Orang politik mesti menonjolkan diri bahawa dialah yang terhebat sekali.*

Berdasarkan contoh di atas ini, sebahagian besar kata sifat terbitan ini digabungkan dengan kata dasar yang juga terdiri daripada kata sifat, contohnya seperti *sebaik*, *seberat*, *sebesar*, *terbaharu*, *terbaik* dan *terbesar*. Bagaimanapun, kata sifat terbitan dalam contoh (14) dan (15) ini berbeza daripada kata terbitan yang terbentuk apabila unsur klitik *se-* digabungkan dengan penjodoh bilangan atau imbuhan *ter-* digabungkan dengan kata selain kata sifat. Ini kerana apabila unsur klitik *se-* digabungkan dengan penjodoh bilangan, kata terbitan yang

terhasil membawa maksud satu. Contohnya *seekor*, *sehari* dan *sehelaiyang* masing-masingnya membawa maksud *satu ekor*, *satu hari* dan *satu helai*. Begitu juga imbuhan *ter-* yang digabungkan dengan kata selain kata sifat, kata terbitan yang terhasil merupakan kata kerja, contohnya seperti *terjatuh*, *tergantung* dan *termakan*.

Bagi imbuhan *ter-*, Asmah (1993b: 153) membahagikan imbuhan kata sifat ini kepada dua jenis, iaitu ditandai dengan *ter*^(a) dan *ter*^(b). Imbuhan yang pertama dianggap sebagai pen tetap golongan, manakala imbuhan yang kedua sebagai pengubah golongan. Imbuhan *ter*^(a) dikatakan sebagai pen tetap golongan kerana apabila imbuhan *ter*^(a) digabungkan dengan *kata sifat*, kata terbitan yang terhasil masih kekal golongan kata sifat, contohnya seperti *termuda*, *terutama*, dan *terbaik* (lihat juga contoh 15). Bagi imbuhan *ter*^(b) pula, imbuhan ini dianggap sebagai pengubah golongan kerana apabila imbuhan *ter*^(b) bergabung dengan kata dasar yang terdiri daripada kata nama atau kata kerja, kedua-dua golongan kata ini akan berubah golongannya kepada kata sifat. Bagaimanapun, imbuhan *ter*^(b) ini tidak seproduktif seperti imbuhan *ter*^(a). Dalam data korpus yang dikaji, perkataan *terhormat*, *tersohor*, *terkemuka*, *terkenal* dan *ternama* merupakan antara kata terbitan yang dapat dikategorikan dalam kategori *ter*^(b) kerana apabila imbuhan ini diletakkan pada kata dasar yang terdiri daripada kata nama dan kata kerja, kata terbitan yang terhasil merupakan kata sifat dan kata sifat ini berfungsi sebagai penerang.

Contoh :

- (16) *cara terhormat*
hotel terkemuka
penari terkenal
wanita ternama

Imbuhan *se-* dan *ter-*^(a) yang menjadi penanda kata sifat ini boleh dijadikan penguji apabila menentukan golongan kata yang hadir dalam gatra sintaktik yang juga diisi oleh kata sifat. Contohnya bagi membezakan kata nama dan kata kerja yang hadir dalam gatra penerang, didapati kedua-dua golongan kata tersebut tidak boleh menerima imbuhan *ter-* dan *se-* bagi menunjukkan perbandingan atau darjah kepalingan. Contohnya kata nama *batu*, *agama* dan kata kerja *bakar* dan *potong* yang hadir dalam fungsi penerang (*rumah batu*, *kuasa elektrik*, *kayu bakar* dan *kain potong*) jika diimbuhkan dengan *ter-* dan *se-*, kata terbitan yang terhasil menjadi tidak gramatis seperti **terbatu*, **terelektrik*, **seelektirk*, **sebakar* atau membawa maksud satu seperti *sebatu* atau membentuk kata kerja terbitan contohnya seperti *terbakar* dan *terpotong*.

Disebabkan bahasa Melayu hanya terdiri daripada imbuhan terbitan, maka penelitian golongan kata berdasarkan lemma adalah kurang sesuai. Hal ini kerana lemma dan bentuk di bawahnya merupakan golongan yang berbeza.

Contoh:

| | | | |
|------|------------------------|------------------------|-----------------------|
| (17) | <i>besar</i> (KS) | <i>tinggi</i> (KS) | <i>hebat</i> (KS) |
| | <i>membesar</i> (KK) | <i>meninggi</i> (KK) | <i>menghebat</i> (KK) |
| | <i>pembesaran</i> (KN) | <i>peninggian</i> (KN) | - |
| | <i>kebesaran</i> (KN) | <i>ketinggian</i> (KN) | <i>kehebatan</i> (KN) |
| | <i>sebesar</i> (KS) | <i>setinggi</i> (KS) | <i>sehebat</i> (KS) |
| | <i>terbesar</i> (KS) | <i>tertinggi</i> (KS) | <i>terhebat</i> (KS) |

Selain imbuhan *se-* dan *ter-*, imbuhan *pe-/peN-* juga dianggap sebagai kata sifat terbitan. Walaupun imbuhan ini lazimnya merupakan imbuhan kata nama, tetapi dalam kajian ini terdapat sebilangan kecil imbuhan *pe-/peN-* yang dirujuk sebagai kata sifat contohnya seperti *penyabar*, *penyayang* dan *pemurah*. Yang berikut merupakan contoh kata sifat terbitan berawalan *pe-/peN-* dalam frasa:

(18) *sikap penyabar*

(19) *sifat penyayang*

(20) *sifat pemurah*

Perkataan ini digolongkan dalam golongan kata sifat berdasarkan ciri-ciri sintaktik yang dimilikinya. Dari segi kehadirannya di dalam gatra, kata ini boleh mengisi gatra penerang nama, iaitu gatra tipikal bagi kata sifat. Di samping itu, kata ini juga boleh didahului oleh penanda intensiti atau didahului oleh kata hubung relatif, iaitu ciri yang tidak dimiliki oleh golongan kata nama.

Contoh:

(18a) *yang penyabar*

(18b) *yang agak penyabar*

(19a) *yang penyayang*

(19b) *yang amat penyayang*

(20a) *yang pemurah*

(20b) *yang amat pemurah*

Dalam kajian ini, kata yang berawalan *ber-* turut dikaji kerana bentuk ini juga signifikan dalam kajian kata sifat. *Ber-* dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bentuk yang berbeza, iaitu *ber*^(a) dan *ber*^(b) dan pembahagian ini berasaskan kepada bentuk kata yang terhasil. *Ber*^(a) merupakan bentuk yang dianggap sebagai imbuhan awalan, iaitu apabila imbuhan *ber*^(a) digabungkan dengan kata dasar, kata terbitan yang terhasil ialah kata kerja, manakala *ber*^(b) pula dianggap sebagai unsur klitik atau lebih tepat sebagai proklitik dan bentuk yang terhasil dianggap sebagai *remnant of preposition*, iaitu sebagai kata sendi yang diletakkan di hadapan kata nama. Ini bererti bentuk *ber*^(b) ini hanya digabungkan dengan kata nama (lihat Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2006: 46-7).

Contoh :

(21a) *bernasib baik*

(21b) *berpelajaran tinggi*

(21c) *bergaji kecil*

Berdasarkan contoh ini, apabila perkataan *bernasib*, *berpelajaran* dan *bergaji* diikuti oleh kata sifat *baik*, *tinggi* dan *kecil*, pola yang terhasil dengan

jelas adalah sama seperti pola kata sifat yang dimuatkan di dalam gatra penerang nama. Rumus frasa nama bagi kata sifat yang hadir dalam fungsi penerang ialah kata nama + kata sifat. Hal ini menunjukkan bahawa seolah-olah unsur proklitik *ber-* hadir setelah terbentuknya frasa nama terlebih dahulu.

Contoh:

- | | |
|-------|---|
| | (ber- + (kata nama + kata sifat)) |
| | <hr style="width: 50%; margin: 0 auto;"/> |
| (21a) | (ber- + (<i>nasib</i> + <i>baik</i>)) |
| (21b) | (ber- + (<i>pelajaran</i> + <i>tinggi</i>)) |
| (21c) | (ber- + (<i>gaji</i> + <i>kecil</i>)) |

Walaupun, *ber-* hadir kemudian daripada pembentukan kata nama dan kata sifat, tetapi unsur proklitik ini perlu dieja bercantum dengan kata nama yang mengikutinya. Ikatan proklitik ini kelihatan lebih kukuh berbanding kata sifat yang mengikut kata nama tersebut, tetapi hal ini tidak dapat dielakkan kerana proklitik merupakan bentuk terikat yang tidak boleh berdiri sendiri, maka ia perlu dieja bercantum sama seperti bentuk *se-* dan *-nya*.

Penelitian terhadap data korpus mendapati bahawa tidak semua *ber-* + kata nama dan diikuti oleh kata sifat dapat dianggap sebagai *remnant of preposition*. Oleh itu, bentuk *ber-*^(b) ini juga boleh menimbulkan kekeliruan.

Contoh:

- (22) *berjalan tegak*

Dalam contoh ini, *ber-* telah digandingkan dengan perkataan *jalan* yang merupakan kata nama. Walau bagaimanapun, contoh (22) ini, *ber-* dianggap

sebagai imbuhan dan bukan proklitik. Hal ini kerana jika *ber-* dipisahkan daripada kata nama *jalan* bentuk yang terhasil (*ber-* + (*jalan tegak*)) bukan merupakan pola yang sama seperti contoh (21). Tambahan pula, (*ber-*)*jalan tegak* ini bukan merupakan frasa nama melainkan frasa kerja dan lazimnya imbuhan *ber-* ini tidak digugurkan (frasa ini berbeza daripada frasa nama *jalan besar* kerana *besar* dalam contoh ini menerangkan saiz *jalan*). Kata sifat *tegak* bukan merupakan penerang kepada kata nama *jalan*, tetapi penerang kepada kata kerja *berjalan*, iaitu menjelaskan cara seseorang berjalan. Justeru itu, bagi mengelakkan kekeliruan, Knowles dan Zuraidah Mohd. Don (2006: 47) menganggap bentuk *remnant of preposition* ini sebagai selaras dengan maksud *with* dalam bahasa Inggeris dan kata sifat yang hadir selepas kata kerja sebagai penerang kerja, iaitu kata sifat ini telah beralih posisinya dari gatra asalnya ke gatra penerang kerja (Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2008:131).

4.5 Sesesaran Sintaktik

Dalam bahagian 4.2, dinyatakan bahawa prototaip bagi kata sifat ialah sebagai penerang nama dan sebagai prototaip, gatra penerang nama menjadi gatra asal (*home slot*) bagi kata sifat. Walaupun gatra ini merupakan gatra bagi kata sifat, tetapi golongan kata yang lain juga boleh hadir dalam gatra ini, misalnya kata nama dan kata kerja turut mengisi gatra penerang nama. Sama juga halnya dengan kata sifat, golongan kata ini juga boleh hadir dalam gatra golongan kata yang lain, iaitu kata sifat juga boleh mengisi gatra penerang kerja, gatra predikat atau gatra penerang predikat. Kecenderungan sesuatu golongan kata untuk beralih

daripada gatra asalnya kepada gatra sintaktik yang lain disebut sebagai sesesaran sintaktik (*syntactic drift*) (Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2008:48).

Konsep sesesaran sintaktik ini meneliti bagaimana perkataan yang sama boleh menjalankan fungsi yang berbeza apabila perkataan tersebut hadir dalam konteks yang berbeza. Knowles dan Zuraidah Mohd. Don (2003: 3), misalnya memberikan contoh *telefon (telephone)* yang boleh mempunyai golongan kata nama atau kata kerja berdasarkan kepada konteks kehadirannya di dalam ayat. Jika *telephone* didahului oleh *the*, ia digolongkan sebagai kata nama, tetapi jika didahului oleh *will*, ia digolongkan sebagai kata kerja. Bagaimanapun, terdapat tiga aspek bagi menentukan sesesaran sesuatu golongan kata, iaitu:

- i. mengenal pasti gatra asal golongan kata
- ii. mengenal pasti gatra sintaktik yang boleh diisi oleh golongan kata tersebut
- iii. arah sesesaran

(Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2008:49).

Bagi kata sifat bahasa Melayu, gatra asalnya ialah gatra penerang nama, tetapi disebabkan tabii bahasa Melayu yang luwes, maka sistem tatabahasanya membenarkan kata sifat hadir dalam julat gatra yang lebih luas. Oleh itu, selain daripada mengisi gatra asalnya, kata sifat juga boleh hadir di dalam gatra penerang kerja, gatra predikat dan gatra penerang predikat. Berdasarkan kepada gatra asal dan gatra yang boleh diisi oleh kata sifat, maka arah sesesaran kata sifat dapat ditentukan. Sesesaran kata sifat berlaku apabila kata sifat beralih daripada gatra asalnya dan mengisi gatra penerang kerja atau gatra predikat atau gatra

penerang predikat. Hal ini menunjukkan bahawa sesesaran tidak berlaku secara rawak, tetapi mengikut arah yang tetap (Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2003: 7).

Sesesaran ini penting untuk mengesan golongan kata yang berubah posisinya daripada gatra asal kepada gatra yang lain. Dalam data yang diteliti, sesesaran ditunjukkan dalam contoh di bawah :

(23a) *Menjaga lapan orang anak bukanlah perkara mudah.*

(23b) *Alasan beliau mudah.*

(23c) *Hasmah boleh menyesuaikan diri dan bergaul dengan mudah.*

Berdasarkan contoh (23a-23c) perkataan yang sama (*mudah*) menjalankan fungsi yang berbeza, iaitu sebagai penerang nama (23a), sebagai predikat (23b) dan sebagai penerang predikat (23c). Contoh (23a) merupakan fungsi tipikal bagi kata sifat, iaitu *mudah* hadir dalam gatra asalnya, tetapi dalam contoh (23b), kata sifat beralih daripada gatra asal kepada gatra predikat yang merupakan gatra bagi kata kerja dan menjadi kata sifat predikat. Dalam contoh (23c), kata sifat beralih daripada gatra asal dan mengisi gatra adverba, iaitu hadir dalam bahagian adjung ayat dan menjadi penerang kepada predikat. Oleh itu, menerusi sesesaran sintaktik ini, peralihan posisi kata sifat dapat dikenal pasti.

4.6 Kata Sifat Bahasa Melayu

Seperti yang dinyatakan pada bahagian 4.3.1, kata sifat ditentukan berdasarkan kepada gatra yang didudukinya. Dalam bahasa Melayu, gatra sintaksis bagi kata sifat ialah:

- i. gatra penerang
- ii. gatra predikat
- iii. gatra penerang predikat

(Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2006: 101)

4.6.1 Gatra Penerang

Dalam kajian ini, fungsi penerang bagi kata sifat dibahagikan kepada dua, iaitu sebagai penerang nama dan penerang kerja. Seperti yang dinyatakan pada bahagian 4.2, fungsi tipikal kata sifat ialah sebagai penerang nama dan dalam fungsi ini, kata sifat mengisi gatra penerang (Asmah Hj. Omar, 1962: 450). Penerang bererti sesuatu kata diletakkan di dalam sesuatu struktur yang telah mempunyai kata inti di dalamnya dan di sini penerang merupakan unsur tambahan kepada struktur tersebut (Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2008: 40). Kata sifat yang menjadi penerang nama hadir dalam binaan frasa nama. Rumus sintaksis bahasa Melayu bagi frasa nama adalah seperti yang berikut:

| |
|--|
| Frasa Nama = Kata Nama Inti + Kata Sifat |
|--|


Bagi kata sifat yang menjadi penerang kepada nama, maka inti yang dimaksudkan dalam struktur tersebut ialah kata nama. Dalam fungsi penerang ini, kata sifat hadir dalam frasa nama dan dari segi posisinya gatra sifat nama diletakkan betul-betul selepas gatra nama inti. Berikut merupakan contoh daripada data yang menunjukkan kata sifat yang mengisi gatra penerang nama:

(24a) *jawatan tinggi*

(24b) *petanda baik*

(24c) *pengalaman luas*

Berdasarkan contoh ini, dalam fungsi penerang kata sifat hadir selepas kata nama inti dalam binaan frasa nama. Dalam frasa ini, kata nama mengisi gatra nama, manakala kata sifat mengisi gatra penerang nama dan apabila kata sifat menjalankan fungsi ini, kata sifat tersebut diistilahkan sebagai kata sifat nama (Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2008: 142). Dalam bahasa Melayu, susunan gatra dalam frasa nama dan unsur yang hadir di dalamnya dapat digambarkan seperti rajah yang berikut:



Rajah 4.3: Struktur Frasa Nama

(Ubah suai daripada Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2008: 39)

Berasaskan kepada rajah ini, anak panah bergerak daripada bulatan *mula*, kemudiannya melalui gatra inti, gatra kata hubung relatif, gatra penerang, gatra penentu dan berakhir pada bulatan tamat. Gatra inti diisi oleh kata nama, contohnya perkataan *jawatan*. Perkataan *jawatan* ini boleh diikuti oleh penerang yang terdiri daripada kata sifat *tinggi* dan kata sifat boleh diikuti oleh kata penentu *itu*. Kata inti merupakan unsur wajib, manakala penerang dan penentu merupakan unsur pilihan. Dalam frasa nama, kata inti boleh hadir tanpa kehadiran penerang dan penentu (kedua-dua unsur pilihan digugurkan). Ini ditunjukkan menerusi anak panah dari kata inti ke bulatan tamat. Jika salah satu unsur digugurkan, misalnya digugurkan penentu, maka frasa yang terhasil ialah *jawatan tinggi* (anak panah dari kata inti ke penerang), tetapi jika penerang digugurkan frasa yang terbentuk ialah *jawatan itu* (anak panah dari kata inti ke penentu).

Dari segi keterkaitan atau ikatan antara kata nama inti dengan kata sifat, Mees (1969:82) membahagikannya kepada dua, iaitu ikatan yang erat dan ikatan yang lebih bebas. Ikatan yang erat bererti kata nama inti dengan kata sifat tidak dipisahkan oleh perkataan-perkataan lain di antaranya dan hubungan ini diistilahkan sebagai aneksi atributif (Mees, 1969 : 82). Dalam ikatan yang erat ini, lazimnya kata sifat yang menjadi penerang hadir dalam bentuk kata tunggal¹⁵ (*single word*), iaitu kata sifat ini tidak mempunyai penerang-penerang lain. Yang berikut merupakan contoh kata sifat yang mempunyai ikatan yang erat dengan kata nama inti: *basikal tua*, *penyokong kuat* dan *orang susah*.

¹⁵ Kata tunggal di sini bermaksud kata yang terdiri daripada satu perkataan.

Jika terdapat perkataan lain dimuatkan di dalam binaan tersebut, misalnya penanda intensiti seperti *sangat*, *amat*, *agak* atau darjah perbandingan seperti *lebih*, maka kata sifat tidak lagi berfungsi sebagai penerang, sebaliknya menjadi predikat.

Contoh:

(25a) *Status lelaki sebagai suami lebih tinggi daripada isteri.*

(25b) *Kesihatannya agak baik sehingga umurnya tua.*

(25c) *Tanah asal kepunyaan keluarga mereka sangat luas.*

Dalam data korpus ini juga terdapat ikatan yang lebih bebas atau longgar, iaitu terdapatnya kata hubung relatif *yang* disisipkan antara kata nama inti dengan penerang kata sifat. Bentuk *yang* + kata sifat ini agak lazim dalam bahasa Melayu.

Contoh:

(26) *jalan raya yang baik*


(27) *rambut yang panjang*

(28) *ciri-ciri keibuan yang mulia*

Selain daripada menjadi penerang kepada kata nama, kata sifat juga boleh menjadi penerang kepada kata kerja¹⁶ (Za'ba, 1958: 127 dan Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2008: 129-133). Kata sifat secara tipikalnya berfungsi sebagai penerang nama kerana kehadirannya dalam gatra selepas gatra kata nama inti, tetapi apabila kata sifat ini hadir dalam gatra selepas gatra kata kerja inti, maka kata sifat ini berfungsi sebagai penerang kerja. Sama seperti kata nama inti,

¹⁶ Dalam fungsi ini Za'ba (1958: 127) mengistilahkannya sebagai *sifat kata*, manakala Knowles dan Zuraidah Mohd. Don (2008: 142) mengistilahkannya sebagai *kata sifat kerja*.

kata kerja inti ini juga tidak boleh digugurkan dan kehadiran kata sifat yang berfungsi sebagai penerang ditunjukkan oleh Rajah 4.4 yang berikut:



Rajah 4.4 : Kata Kerja dan Penerang

(Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2008: 43)

Berdasarkan kepada Rajah 4.4 ini, gatra penerang diletakkan selepas gatra kata kerja. Dalam bahasa Melayu, gatra penerang ini diisi oleh kata sifat.

Contoh:

(29) *ketawa besar*

(30) *berusaha gigih*

(31) *menilai tinggi*

Contoh ini menunjukkan bahawa dalam bahasa Melayu, kata sifat mengisi gatra penerang dan kehadirannya dalam gatra ini menunjukkan fungsinya sebagai penerang kerja. Dalam fungsi ini, kata sifat dinyatakan menerusi sesesaran (*dirft*), iaitu kata sifat yang pada asalnya hadir dalam gatra penerang nama telah berubah kedudukannya kepada gatra penerang kerja. Walaupun hadir dalam gatra yang berbeza, tetapi masih terdapat keselarasan antara kata sifat sebagai penerang nama dengan penerang kerja, iaitu unsur pengisinya hanya terdiri daripada kata tunggal.

Bagaimanapun berdasarkan teori golongan kata, khususnya bahasa Inggeris, kata yang menerangkan kata kerja ialah kata adverba, iaitu adverba cara

(Curme, 1978 : 71). Hal yang sama berlaku terhadap golongan kata bahasa Melayu, iaitu tanggapan bahawa kata sifat yang menjadi unsur pengisi bagi gatra selepas gatra kerja ialah kata adverba dan bukan kata sifat (lihat Mees, 1969: 277, Asmah, 1993b: 320, Abdullah Hassan, 2008: 213, Nik Safiah Karim et al., 2008: 291). Antara contoh kata adverba yang diberikan ialah *berjalan cepat*, *berjalan perlahan-lahan* dan *berlari cepat*. Bagaimanapun, dalam kajian ini golongan kata yang dimuatkan di dalam gatra penerang kata kerja dianggap sebagai kata sifat dan bukan kata adverba. Hal ini disebabkan dalam gatra penerang kerja, kata sifat merupakan salah satu daripada unsur pengisinya.

4.6.2 Gatra Predikat

Prinsip asas dalam tatabahasa tradisional sehinggalah teori sintaktik moden ialah setiap ayat terdiri daripada dua unsur utama, iaitu unsur subjek dan predikat. Dalam ilmu logika Yunani, predikat dianggap sebagai klausa di samping subjek dan selain subjek, keseluruhan ayat dianggap sebagai unsur predikat dan oleh itu predikat dianggap sebagai mempunyai klausa yang kompleks (Dixon 2004: 7). Predikat mempunyai unsur yang kompleks kerana selain daripada klausa yang menjadi intinya, terdapat juga objek, adverba atau pelengkap yang hadir dalam klausa predikat. Subjek dan predikat turut dijelaskan menerusi aspek makna, iaitu subjek merupakan nama atau benda yang diterangkan dalam sesuatu ayat, manakala predikat merupakan cerita atau pernyataan terhadap nama atau benda yang diterangkan. Bagaimanapun, jika diteliti dari segi struktur, hubungan subjek dan predikat bersifat sintagmatik, iaitu subjek dan predikat ini merupakan dua

unsur yang berdampingan dalam satu susunan unsur-unsur dalam paksi untaian. Dari segi posisi atau kedudukannya, subjek lazimnya diletakkan pada posisi yang mendahului predikat kerana subjek merupakan unsur yang diterangkan dan predikat merupakan unsur yang menerangkan sesuatu subjek. Oleh itu, pola asas sesuatu ayat ialah:

$$\text{Ayat} = \text{Subjek} + \text{Predikat}$$

Bagaimanapun, tidak semua ayat didahului oleh subjek dan posisi subjek serta predikat ini turut bergantung pada fokus yang ditekankan oleh sesebuah ayat. Jika fokus ayat ialah predikat, maka unsur predikat diletakkan pada posisi yang mendahului subjek. Penelitian aspek sintaktik berasaskan subjek dan predikat merupakan kaedah yang mengutamakan fungsi unit-unit yang mendirikan ayat (Asmah Hj. Omar, 2008: 8-9). Sejak zaman Plato lagi, perbezaan antara subjek dan predikat ini berkait rapat dengan perbezaan antara kata nama dan kata kerja, iaitu subjek bagi sesuatu wacana ialah kata nama, manakala predikatnya ialah kata kerja (Lyons, 1969: 334). Hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa prototipikal bagi subjek ialah kata nama dan prototipikal predikat ialah kata kerja sama ada kata kerja transitif atau kata kerja tak transitif. Bagi bahasa Inggeris, iaitu bahasa yang menjadi model penelitian linguistik moden kerana pusat penyelidikan linguistik tertumpu di Eropah, prototipikal bagi predikat ialah kata kerja (32), tetapi bagi bahasa-bahasa lain, kata nama (33) dan kata sifat (34) juga boleh menjadi predikat.

Contoh:

Bahasa Inggeris (Dixon, 2004: 7)

(32) *My father / is tall.* - predikat = kata kerja

Bahasa Lakhota (Valin dan LaPolla, 2002: 25)

(33) *nihókšĭla*
Ni- you hókšĭla – boy - predikat = kata nama
(awak budak lelaki]

Bahasa Mojave (Amerind Utara; Hengeveld, 1992:47)

(34) *?i:pa-čhomi:-k*
lelaki-subjek tinggi- predikat - predikat = kata sifat
[lelaki itu tinggi]

Berdasarkan kepada contoh (32) ini, *my father* merupakan subjek, *is* merupakan predikat kopula dan *tall* merupakan pelengkap kopula. Di sini, gatra atau posisi yang diisi oleh kata sifat *tall* adalah dalam gatra pelengkap kopula dan bukan dalam gatra predikat. Bagaimanapun, tidak semua bahasa mempunyai kopula. Oleh itu, unsur predikat boleh diisi oleh kata selain kopula, iaitu boleh terdiri daripada kata nama (33) dan kata sifat (34) (Hengeveld, 1992: 47). Unsur yang mengisi gatra predikat ini juga membezakan predikat bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu, iaitu dalam bahasa Inggeris semua predikat diisi oleh kopula, manakala dalam bahasa Melayu kopula digantikan dengan kata sifat atau kata kerja. Disebabkan hal ini, kata sifat bahasa Melayu amat rapat kaitannya dengan kata kerja tak transitif dan sukar untuk dibezakan kata kerja tak transitif atau kata kerja statif.

Disebabkan dari segi intuisi predikat hanya terdiri daripada kata kerja, maka gatra predikat yang tidak mempunyai kata kerja (*verb to be*) seperti contoh (33) dan (34) diistilahkan sebagai *non-predicative* (Dik, 1997: 193 dan Dixon, 2004: 5-7). Hal ini disebabkan kata kerja dan predikat mempunyai hubungan satu dengan satu, iaitu predikat ialah kata kerja dan kata kerja ialah predikat, maka istilah kata kerja dan predikat boleh saling ditukar ganti. Bagaimanapun, dalam kajian ini, istilah *non-predicative* ini tidak digunakan sebaliknya digunakan istilah predikat sahaja kerana predikat bahasa Melayu bukan sahaja boleh diisi oleh kata kerja, tetapi juga kata sifat dan kata nama. Daripada data yang diteliti, berikut merupakan beberapa contoh kata sifat yang mengisi gatra predikat dalam bahasa Melayu:

Contoh:

(35) *Nasib Fatimah / baik.*

(36) *Majid / telah lewat sampai ke Gombak.*

(37) *Keluarga ibu Enjah / sangat besar.*

Daripada contoh ini, kata sifat yang mengisi gatra predikat hadir dalam klausa dan klausa dapat dikenal pasti berdasarkan kehadiran predikatnya/cerita (Azhar Simin, 1993: 109). Dalam klausa ini, kata sifat boleh terdiri daripada kata sifat sahaja (contoh 35) atau boleh didahului oleh unsur penerang seperti dalam contoh (36), penerang sifat yang hadir ialah penanda aspek, manakala dalam contoh (37) penerang yang hadir ialah penanda intensiti. Lazimnya dalam bahasa Melayu, apabila kata sifat didahului oleh penerang seperti penanda intensiti atau penanda aspek, kata sifat tersebut merupakan predikat. Bahkan kehadiran penerang bersama-sama kata sifat mengesahkan bahawa kata sifat mengisi gatra predikat (Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2008: 137).

Bagaimanapun, dalam kajian ini yang menggunakan data daripada buku yang ilmiah sifatnya, maka ayat yang terdapat dalam data yang diteliti lazimnya terdiri daripada ayat majmuk berbanding ayat tunggal. Oleh itu, penelitian kata sifat yang mengisi gatra predikat tidak terbatas kepada ayat tunggal sahaja (seperti ayat 35, 36 dan 37), tetapi dalam ayat majmuk yang terdiri daripada klausa tidak bebas yang mengandungi predikat turut diteliti.

Contoh:

(38) Beliau sedar bahawa pelajaran amat penting bagi masa depan rakyat Kelantan.

(39) Nik Omar tidak pernah mengikuti sebarang kelas motivasi, tetapi beliau bijak menjalin hubungan rapat dengan anak-anaknya.

Berdasarkan contoh di atas, ayat (38) dan (39) terdiri daripada dua klausa, iaitu klausa utama dan klausa bukan utama. Kedua-dua klausa dalam ayat (38) dan (39) terdiri daripada kata sifat sebagai predikat (perkataan yang digariskan). Klausa utama (38a dan 39a) dan bukan utama (38b dan 39b) bagi kedua-dua ayat tersebut adalah seperti yang berikut:

(38a) Beliau sedar

Subjek : *beliau;*

Predikat : *sedar*

(38b) (bahawa) pelajaran amat penting bagi masa depan rakyat Kelantan.

Subjek : *pelajaran;*

Predikat : *amat penting bagi masa depan rakyat Kelantan.*

Kata Hubung : *bahawa*

(39a) Nik Omar tidak pernah mengikuti sebarang kelas motivasi

Subjek : *Nik Omar;*

Predikat : *tidak pernah mengikuti sebarang kelas motivasi*

(39b) (tetapi) beliau bijak menjalin hubungan rapat dengan anak-anaknya.

Subjek : *beliau;*

Predikat : *bijak menjalin hubungan rapat dengan anak-anaknya.*

Kata Hubung : *tetapi*

Berdasarkan kepada contoh ayat tersebut, dalam kajian ini, kehadiran kata sifat sebagai predikat ayat bukan sahaja diteliti dari segi kehadirannya sebagai unsur pengisi dalam klausa utama, tetapi kata sifat yang hadir dalam klausa bukan utama turut dikaji. Hal ini kerana walaupun kata sifat hadir dalam klausa bukan utama, tetapi kata sifat ini masih mengisi gatra predikat.

4.6.3 Gatra Penerang Predikat

Penelitian kata sifat yang mengisi gatra penerang predikat melibatkan analisis pada peringkat yang lebih tinggi, iaitu peringkat klausa. Dalam teori tatabahasa, penelitian klausa ini sering kali melibatkan perbezaan antara konstituen yang membina klausa, iaitu antara klausa utama dan konstituen bukan utama atau menurut Van Vallin, penelitian sintaksis perlu dibezakan antara elemen predikat dan elemen bukan predikat. Bahagian yang mengandungi predikat merupakan konstituen utama atau merupakan unsur teras bagi sesuatu

klausa dan unsur teras ini terdiri daripada predikat dan argumen (Van Valin, 2001: 205-206). Konstituen bukan utama atau elemen bukan predikat pula merupakan unsur sekunder yang hadir di luar unsur teras dan menjadi penerang kepada unsur teras. Istilah yang digunakan bagi konstituen yang hadir di luar unsur teras ialah periferi atau sampingan. Unsur periferi ini merupakan unsur yang bersifat pilihan dan lazimnya terdiri daripada klausa adverbaan dan dari segi posisinya unsur ini mengisi gatra adjung. Berdasarkan kepada data korpus yang diteliti, unsur teras dan periferi bagi bahasa Melayu adalah seperti rajah yang berikut:

| TERAS | PERIFERI |
|------------------------------------|----------------------|
| Zaleha <i>menjalankan</i> tugasnya | dengan <u>baik</u> . |

Rajah 4.5 : Teras dan Periferi

(Ubah suai daripada Van Valin dan LaPolla, 2002: 26)

Berdasarkan rajah ini, unsur teras terdiri daripada predikat (kata kerja *menjalankan*) dan argumen *Zaleha* dan *tugasnya*, manakala unsur periferi terdiri daripada klausa adverbaan *dengan baik*. Klausa adverbaan yang hadir dalam bahagian periferi ini bersifat pilihan dan dengan itu klausa ini boleh digugurkan. Jika digugurkan, struktur ayat masih tidak terjejaskan, misalnya dalam contoh di atas, ayat *Zaleha menjalankan tugasnya* masih gramatis dari segi strukturnya walaupun tidak mempunyai klausa adverbaan. Berdasarkan rajah ini juga, klausa adverbaan ini hadir dalam posisi selepas predikat dan didahului oleh kata sendi. Kehadiran kata sendi *dengan* di hadapan kata sifat *baik*, menunjukkan bahawa dalam bahasa Melayu, kata sifat yang menjadi penerang predikat hadir dalam gatra adjung dan ditandai oleh kata sendi. Oleh itu, kata sifat sebagai penerang predikat dianggap sebagai kata sifat bertanda.

Seperti yang dinyatakan dalam 4.5.3, gatra adverbaan merupakan konstituen dalam periferi dan istilah yang digunakan bagi konstituen yang hadir dalam periferi ialah adjung. Justeru itu, kata sifat yang berfungsi sebagai penerang predikat boleh diistilahkan sebagai adverbaan atau lebih khusus lagi sebagai adjung disebabkan kehadirannya di luar teras. Dalam bahasa Melayu, kata sifat yang menjadi penerang predikat terdiri daripada kata sifat dalam subgolongan cara/gaya, iaitu kata sifat yang menerangkan cara sesuatu kata kerja dilakukan (Asmah Hj. Omar, 1993b: 315, 319-320 dan lihat Lampiran 13). Disebabkan kata sifat ini menjadi unsur pengisi bagi gatra penerang predikat, maka kata sifat ini dikenali sebagai adverbaan (*adverbial*) (Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2006: 101).

Dalam bahasa Melayu, terdapat tiga cara untuk mengenal pasti kata sifat dalam subgolongan cara, iaitu :

- (i) “secara” + kata sifat
- (ii) “dengan” + kata sifat
- (iii) kata sifat

(Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2008: 129)

Daripada data yang diteliti, berikut merupakan contoh kata sifat dalam subgolongan cara:

- (37) Siti Hasmah lebih cenderung menampilkan diri secara sederhana.
- (38) Adat perkahwinan Melayu perlu diikuti dengan sempurna.
- (39) Wan Mas menerima baik rakan-rakan anak-anak mereka.

Berdasarkan contoh ini, didapati dua daripadanya didahului oleh preposisi *dengan* dan *secara*, manakala contoh (39) hanya terdiri daripada kata sifat sahaja. Apabila

kata sifat hadir selepas kata kerja tanpa kata preposisi, kata sifat ini kelihatan berfungsi sebagai penerang kerja (lihat 4.6.1) dan bagi membezakannya daripada subgolongan cara yang didahului oleh kata preposisi, maka Knowles dan Zuraidah Mohd. Don (2008: 131-2) menganggap bahawa kata yang didahului oleh preposisi ini hadir pada level/aras klausa, manakala penerang kerja hadir pada level frasa. Hal ini disebabkan dalam level frasa, penerang kerja mempunyai ciri yang sama seperti penerang nama, iaitu kata sifat ini terdiri daripada bentuk tunggal dan jika kata sifat ini mempunyai penerang, iaitu didahului oleh kata sendi, maka kata sifat ini termasuk dalam binaan yang lain (dalam hal ini kata sifat termasuk dalam binaan klausa). Oleh itu, dalam fungsi kata sifat sebagai penerang predikat, kajian ini menganggap kata sifat perlu didahului oleh kata preposisi *dengan* dan *secara*. Di samping itu, kata sifat yang berfungsi sebagai penerang kerja hadir dalam klausa teras, tetapi dalam fungsi penerang predikat, kata sifat hadir dalam klausa periferi dan berfungsi sebagai adjung.

Dalam fungsi adverba atau adjung ini, kata sifat mempunyai pergerakan yang lebih bebas, iaitu kata sifat ini boleh hadir pada bahagian akhir, tengah dan bahagian awal ayat. Yang berikut merupakan contoh daripada data yang menunjukkan kehadiran kata sifat sebagai penerang predikat di awal ayat.

Contoh:

(40) *Dengan sabar beliau menunggu kepulangan anak sulung penyambung rahmatnya.*

Berdasarkan contoh (40) ini, *dengan sabar* juga boleh hadir dipindahkan posisinya ke bahagian tengah atau akhir ayat seperti contoh (40a) dan (40b) yang berikut:

(40a) Beliau dengan sabar menunggu kepulangan anak sulung penyambung rahmatnya.

(40b) Beliau menunggu kepulangan anak sulung penyambung rahmatnya dengan sabar.

Contoh ini menunjukkan bahawa kata sifat yang berfungsi sebagai penerang ini boleh hadir di awal atau di tengah ayat tanpa menjejaskan ayat tersebut. Walaupun contoh (40a dan 40b), kata sifat ini hadir dalam teras ayat, tetapi dalam contoh ini, kata sifat masih merupakan unsur sampingan. Tambahan pula sebagai unsur sekunder, gatra ini bersifat pilihan dan sebagai unsur pilihan, maka gatra ini boleh digugurkan tanpa menjejaskan bahagian-bahagian lain ayat.

Contoh:

(40c) Beliau menunggu kepulangan anak sulung penyambung rahmatnya.

4.7 Kesimpulan

Berdasarkan kerangka teori ini, kriteria kata sifat bahasa Melayu diteliti dari segi fungsinya dalam binaan sintaksis, iaitu sebagai penerang kepada kata nama dan kata kerja, sebagai predikat dalam klausa dan sebagai penerang predikat dalam gatra adjung. Dalam bab ini, untuk mengenal pasti golongan kata khususnya kata sifat, perbezaan antara gatra dan unsur pengisi perlulah jelas kerana menerusi gatra dan unsur pengisi golongan kata dapat ditentukan. Kekeliruan terhadap kedua-dua aspek ini boleh menimbulkan kesilapan dalam menentukan golongan bagi kata sifat.

Bagaimanapun, pengenalpastian ciri kata sifat ini masih tidak memadai untuk mengenali kata sifat dalam erti yang sebenar. Hal ini disebabkan untuk mengenal pasti sesuatu golongan kata, selain daripada mengenali ciri-ciri yang dimilikinya, perbezaannya dengan golongan yang lain diperlukan. Menurut Pike (1982: 42),

Recognition of a unit involves a curious difficulty: We do not know what something is unless we know something about what it is not.

Oleh itu, kata sifat dalam bahasa Melayu dijelaskan bukan sahaja berdasarkan fungsinya dalam binaan ayat, tetapi perbezaannya atau kontrasnya dengan golongan kata yang lain seperti kata nama dan kata kerja juga perlu diteliti.

Sesuatu golongan kata itu dikatakan berkontras sepenuhnya apabila golongan kata yang berkontras tersebut adalah “sama” dan “sama” di sini diertikan sebagai *...if they share some component within the same universe of discourse* (Pike, 1982:43). Bagi mengenal pasti kata sifat, dalam cirinya sebagai penerang nama, kata sifat perlu dibezakan dengan kata nama dan kata kerja dalam fungsi yang sama, iaitu dalam fungsi penerang nama. Ini kerana dalam fungsi ini, bukan sahaja kata sifat yang hadir dalam gatra penerang, tetapi kata nama dan kata kerja turut mengisi gatra ini. Inilah yang dimaksudkan dengan golongan kata yang berkontras adalah sama, iaitu sama dari segi kehadirannya dalam gatra penerang nama.